

09 AUG 1998

Belia-Singapura

BELIA KEDAH DISARAN BERDIRI TEGUH DI BELAKANG PM

ALOR SETAR, 9 Ogos (Bernama) -- Kalangan belia di Kedah disaran berdiri teguh menyokong ketegasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu Singapura.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Penerangan Negeri Ghazali Ibrahim berkata semua pihak sewajarnya memberi sokongan di atas ketegasan Malaysia untuk meneruskan operasi Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Malaysia di Stesen Kereta Api Tanjung Pagar di republik itu.

"Kita berharap bukan sahaja para belia, tetapi juga rakyat yang cintakan negara ini berdiri teguh di belakang kepimpinan negara dalam menghadapi isu ini," katanya

Walau bagaimanapun, sebagai sebuah negara berdaulat, para belia mesti bersuara lebih kuat untuk mempertahankan hak negara, katanya semasa merasmikan pertandingan akhir pidato kenegaraan di Felda Lubuk Merbau dekat sini, petang semalam.

Katanya, pertimbangan yang waras dalam apa juga tindakan perlu diambil walaupun kita tidak mahu orang lain mempermainkan dan membuli kita.

Oleh itu, katanya, belia-belia disaran tidak terlalu agresif dalam membuat tindakan sehingga mencetuskan suasana tidak tenteram di negara sendiri.

Beliau berkata, anggota-anggota pertubuhan belia negeri Kedah mesti sanggup mempertahankan kedaulatan negara bagi memastikan bangsa, agama dan tanah air tidak terjejas.

Katanya, perpindahan KIK ke Woodland berhampiran sempadan kedua-dua negara menyusahkan penumpang Keretapi Tanah Melayu untuk masuk ke Malaysia ataupun pergi ke Singapura.

Sementara itu, beliau turut berkata, kakitangan kerajaan tidak seharusnya lagi membawa maklumat yang lama dan lapuk.

Kepekaan terhadap maklumat terkini mestilah datang dari mereka yang bersungguh-sungguh untuk mendapat maklumat samaada melalui pembacaan, media dan juga internet, katanya.

-- BERNAMA

MN